

## **KOMPETENSI PEDAGOGI SISWA GURU SEMASA PRAKTIKUM**

Norzamziah bt. Md Noor, Norliza bt. Jaafar, Norulazilah bt. Md. Nordin  
IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur

### **ABSTRAK**

Kajian bertujuan untuk meninjau perspektif siswa guru dan pensyarah yang menyelia praktikum terhadap kompetensi pedagogi siswa guru Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah Program Pelajar Cemerlang Sekolah Menengah (PDPLI-PPC (SM)) Ambilan Januari 2017 semasa menjalani praktikum di sekolah. Terdapat lima konstruk yang telah dinilai iaitu Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21), Kemahiran Berfikir, Penggunaan Sumber Media, Pentaksiran dan Pengetahuan Pedagogi dengan kebolehpercayaan instrumen adalah 0.876. Dapatan kajian menunjukkan bahawa siswa guru mempunyai kompetensi pedagogi memenuhi konstruk-konstruk yang dinilai. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan 85.0% siswa guru melaksanakan aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Sebanyak 79.8% pensyarah bersetuju bahawa siswa guru berupaya melaksanakan aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21. Seterusnya, konstruk Kemahiran Berfikir (siswa guru 81.3% ; pensyarah 86.0%), Pentaksiran (siswa guru 82.5% ; pensyarah 86.0%), dan Pengetahuan Pedagogi (siswa guru 85.0% ; pensyarah 84.8%) memperoleh peratusan yang tinggi. Manakala, 78.5% siswa guru memperoleh peratusan sederhana tinggi tetapi 81.3% pensyarah memberikan skor tinggi terhadap konstruk Penggunaan Sumber Media. Kesimpulannya, siswa guru mempunyai kompetensi pedagogi yang tinggi bersesuaian dengan dasar pengambilan pelajar daripada kumpulan Program Pelajar Cemerlang (PPC), Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadi guru yang cemerlang dan kompeten dalam pedagogi di sekolah kelak.

Kata kunci: kompetensi pedagogi, aktiviti PAK21, kemahiran berfikir, pentaksiran, penggunaan sumber media, pengetahuan pedagogi dan Program Pelajar Cemerlang (PPC).